



NTW 2025 PERKASA KOMUNITI B40 MELALUI BENGKEL KEMAHIRAN HIJAU 'WASTE TO WONDER'

PETALING JAYA, 21 Jun 2025 – Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dengan kerjasama Trustwired Malaysia dan kepakaran teknikal daripada EcoGarage, telah menganjurkan bengkel pengkomposan 'Grow Together: From Waste to Wonder' yang pertama kali diadakan untuk komuniti B40. Bengkel ini merupakan sebahagian daripada National Training Week (NTW) 2025 yang bertujuan melengkapkan peserta dengan kemahiran hijau yang praktikal bagi menyokong kelestarian hidup dan menjana peluang pendapatan baharu.

Bengkel separuh hari yang diadakan di Flat Sri Cempaka, Bandar Sri Damansara ini mencerminkan komitmen bersama oleh HRD Corp dan rakan kerjasama untuk menggalakkan amalan pembelajaran sepanjang hayat yang inklusif serta meningkatkan kemahiran. Dengan mengintegrasikan kemahiran berfokuskan kelestarian seperti pengkomposan dan pengurusan sisa ke dalam ekosistem latihan Malaysia, inisiatif ini menyokong pemeraksanaan komuniti dan pertumbuhan ekonomi hijau negara.

Seramai 100 peserta daripada golongan B40 telah diperkasa dengan teknik pembelajaran pengkomposan secara amali, membantu mereka mengubah sisa makanan di rumah menjadi kompos yang boleh dimanfaatkan semula. Selain menggalakkan sikap tanggungjawab terhadap alam sekitar, program ini juga memperkenalkan peluang untuk berdikari dan potensi penjana pendapatan melalui kemahiran hijau.

UNTUK SIARAN SEGERA

Acara pada hari ini turut menampilkan ucaptama oleh Dr. Azizul Amar Rahmat, Penyelaras TVET Damansara, bersama sesi perkongsian pakar dan aktiviti pengkomposan yang bersifat interaktif. Ini telah memupuk penglibatan komuniti yang kukuh dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang amalan lestari.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Puan Geetha Ganesan, Ketua Wilayah Tengah – Sektor Baharu, HRD Corp; Tuan Haji Sharuddin Ab Hamid, Pengarah Ekonomi & Harta Majlis Agama Islam Selangor (MAIS); Puan Norhayati Umor, Ketua Pegawai Komunikasi Korporat Yayasan Selangor; Encik Nasrullah Ghazaly, Ketua Komunikasi Korporat & Hubungan Perniagaan Trustwired Malaysia; dan Encik Fadzi Din, Pengerusi Persatuan Penduduk Flat Sri Cempaka bersama ahli komuniti dan pakar latihan hijau daripada EcoGarage.

Melalui inisiatif ini, HRD Corp dan rakan kongsinya berusaha membantu menghubungkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dengan amalan hidup lestari serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi hijau Malaysia dari peringkat akar umbi.

Inisiatif hijau bersifat akar umbi ini menunjukkan bahawa NTW 2025 mampu memberikan impak komuniti yang bermakna dengan pembinaan daya tahan harian dan menyumbang kepada matlamat kelestarian Malaysia yang lebih luas.

NTW 2025 merupakan inisiatif kemahiran utama Malaysia di bawah ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025, yang mengukuhkan kerjasama serantau dalam pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kemahiran. Dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim pada 14 Jun 2025 di Stadium Nasional Bukit Jalil, NTW 2025 telah mencatatkan pencapaian luar biasa dengan merekodkan lebih 3.2 juta penyertaan, melebihi sasaran awal sebanyak 1 juta.

Lebih 71,000 kursus sedang ditawarkan di bawah tema 'Pembelajaran Tanpa Sempadan', dengan menyediakan peluang latihan percuma dan mudah diakses kepada rakyat Malaysia merentasi pelbagai komuniti dan sektor, mengukuhkan budaya pembelajaran sepanjang hayat di peringkat nasional.

Untuk maklumat lanjut mengenai NTW 2025 dan untuk mengakses kursus latihan percuma sepanjang tahun, layar www.nationaltrainingweek.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggabungan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjana pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.